

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

LUAK DAN SUKU-SUKU

Seperti juga dengan keadaan dengan negeri-negeri lain, negeri yang mengamalkan Adat Perpatih dibahagikan kepada beberapa buah daerah. Setiap daerah dikenali sebagai Luak atau Luhak iaitu Naning dalam Negeri Melaka, Rembau, Johol, Jelevu dan Sungai Ujong dalam Negeri Sembilan. Setiap Luak mempunyai Dato' Penghulunya sendiri seperti yang dikatakan oleh Adat bahawa " Luak berpenghulu", dengan Dato' Penghulu itu biasa menyandang atau meaki gelaran Undang. Undang atau Dato' Penghulu adalah orang besar yang memerintah seluruh Luak. Kedudukan seorang Undang dalam Luaknya tidak ubah seperti *Raja* dalam negeri-negeri lain.

Sebenarnya Luak merupakan suatu ikatan atau persekutuan dengan para anggotanya terdiri daripada suku-suku yang tinggal dalam Luak tersebut. Jika satu-satu suku itu merupakan satu ikatan besar keluarga dengan anak-anak buahnya yang sedarah sedaging, maka Luak itu pula merupakan satu ikatan anantara suku-suku atau keluarga-keluarga yang sebangsa dan satu tanah air.

Dato' penghulu Luak atau Undang itu adalah dipilih dan diangkat daripada anggota suku yang khas memerintah dalam Luak. Ini kerana nenek moyang suku itulah yang mula-mula meneroka dan membuka Luak itu. Oleh yang demikian suku asal dalam setiap Luak itu mendapat kedudukan istimewa dengan para anggota dari suku itu berpeluang dan berhak mewarisi pesaka menjadi Dato' penghulu atau Undang dalam Luak

Pemilihan dan pengangkatan seseorang Dato' penghulu atau Undang itu pada mulanya mestilah dijalankan dan diperkenankan oleh para Lembaga dan Buapak dalam sukunya sendiri. Kemudian perlantikan hendaklah diperkenankan seterusnya oleh Buapak dan Lembaga dari suku-suku yang bersekutu dalam Luak. Kepada Lembaga-Lembaga atau wakil-wakil dari suku-suku itulah terletak kekuasaannya muktamad sama ada seseorang calon yang dikemukakan itu harus diterima atau ditolak menjadi Dato' Penghulu atau Undang. Disebabkan Lembaga-lembaga itu kesemuanya dilantik ke

jawatan mereka oleh anak-anak buah menerusi Buapak-Buapak mereka, maka perlantikan Dato' Penghulu atau pun Undang itu juga dengan sendirinya dijalankan secara adil dan saksama menurut kehendak ramai yakni menurut kehendak anak-anak buah menerusi wakil mereka.

Seperti Lembaga-Lembaga dan Buapak-Buapak maka Dato' Penghulu atau Undang itu juga boleh dipecat dengan sebulat suara Lembaga-Lembaga seperti diadatkan : "Yang dilantik boleh dipecat". Menurut adat, seseorang Dato' Penghulu atau Undang itu mestilah memerintah dengan Bersabda di Balai. Balai ialah tempat berunding. Tegasnya Dato' Pebghulu atau Unang itu mestilah menjalankan pentadbiran dan pemerintahan Luaknya secara berunding dengan Lembaga-Lembaga di dalam Luak.